

HARI : RABU
TARIKH : 22/1/2020
M/SURAT : 7

PH tidak perlukan PAS jadi sekutu: Saifuddin

Kajang: Pakatan Harapan (PH) tidak memerlukan PAS sebagai rakan sekutu dalam gabungan parti di bawahnya.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata PH adalah gabungan berdasarkan prinsip kepercayaan dan hormat-menghormati, sekali gus sebarang usaha memasukkan parti lain ke dalam PH mesti berdasarkan konsensus.

"PH utuh dan tidak perlukan PAS sebagai rakan sekutu. Kalau pun ada idea dan percubaan memasukkan PAS, ia mesti berasaskan prinsip konsensus, bukananya majoriti.

"Saya tengok sekarang, cubaan memasukkan PAS itu kekal sebagai satu khabar politik biasa dan saya tidak nampak sebab serta alasan untuk PH sekarang menerima keanggotaan baharu," katanya.

Saifuddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Prapelancaran Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Program Food Bank Malaysia, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan portal berita yang mendakwa PAS mungkin akan diberi peranan dalam Putrajaya untuk menarik sokongan rakyat kepada kerajaan diterajui PH ketika ini.

Kelmarin, Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Salahuddin Ayub turut menolak gerakan atau cadangan membawa masuk PAS menyertai kerajaan semata-mata mahu menarik sokongan rakyat kepada PH.

Beliau yang juga Ahli Majlis Presiden PH menegaskan tiada keperluan ketika ini untuk 'menyerap' PAS ke dalam Putrajaya atau negeri dikuasai PH atas alasan pengaruh parti itu mampu memberi kelebihan kepada kerajaan, selain menyifatkan rombakan atau pembaharuan secara drastik dalam Kerajaan Persekutuan tidak perlu dilakukan memandangkan PH masih mendapat sokongan rakyat.

Sementara itu, mengulas laporan sebuah agensi berita antarabangsa yang menyatakan kironnya PH akan menjadi kerajaan sepenggal jika masalah dalamannya berlarutan, Saifuddin berkata, PH ketika ini adalah kerajaan utuh dan berfungsi sehingga pilihan raya akan datang.

"Kita percaya dan tidak memandang rendah kebijaksanaan rakyat. Kita fokus melaksanakan komitmen dan janji kepada rakyat dan akhirnya rakyat ialah hakim yang terbaik," katanya.